

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-13 (2017)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN
TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 [KHAMIS]
SOALAN :

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pengambilan pekerja untuk perkhidmatan awam daripada tahun 2014 – 2016 bagi jawatan profesional gred 41 bagi semua sektor.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pegawai yang dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ke jawatan kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi tahun 2014 sehingga 2016 adalah seramai 87,359 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 37,707 orang dilantik pada 2014, seramai 24,606 orang dilantik pada 2015 dan seramai 25,046 orang dilantik pada 2016.

Sekian, terima kasih.

Soalan (20)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]

SOALAN :-

YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan mekanisme untuk menyelesaikan masalah kegagalan pembeli mendapatkan pembiayaan daripada bank bagi memiliki rumah mampu milik.

27

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makuman Ahli Yang Berhormat, antara mekanisme yang diambil oleh pihak Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) bagi membantu menyelesaikan masalah kegagalan pembeli mendapatkan pembiayaan daripada bank untuk memiliki rumah mampu milik adalah dengan memperkenalkan skim-skim seperti berikut :-

A) SKIM DI BAWAH JPN

1) Bantuan Pembiayaan bagi Membina Rumah

i) Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

SPP menawarkan Pinjaman Perumahan sehingga RM60,000 bagi membina rumah di atas tanah sendiri atau tanah ahli keluarga terdekat dengan caj perkhidmatan hanya 2% sahaja.

2) Bantuan Pembiayaan Deposit/Subsidi Pembelian Rumah

i) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);

MyHome menawarkan subsidi/rebat harga rumah sebanyak RM30,000 seunit bagi projek di bawah Skim MyHome sahaja.

ii) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit)

MyDeposit menawarkan bantuan deposit sebanyak 10 % atau maksima RM30,000 seunit bagi projek perumahan swasta dan perumahan di pasaran sekunder (sub-sale) yang berharga RM500,000 dan ke bawah.

3) Bantuan Pemilikan Rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR)

i) Skim Sewa Untuk Dimiliki (*Rent to Own* (RTO))

Skim RTO PPR ini merupakan skim pembiayaan mudah yang ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli rumah PPR yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara skim dan bantuan pembiayaan perumahan yang turut diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Kementerian dan agensi lain adalah :-

B) SKIM DI BAWAH KEMENTERIAN DAN AGENSI LAIN

1) Skim Jaminan Kemudahan Kewangan (SJKP);

SJKP menyediakan jaminan untuk pinjaman sehingga 100 peratus bagi pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM300,000.00 ke bawah.

2) Skim Rumah Pertamaku (SRP);

SRP menawarkan pembiayaan sehingga 100% daripada institusi kewangan untuk membeli rumah pertama tanpa perlu membayar 10% wang pendahuluan

3) Skim Perumahan Belia (SPB);

SPB menyediakan pinjaman perumahan antara RM100,000 hingga RM500,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga 35 tahun atau umur 65 tahun tertakluk kepada mana terdahulu.

4) Pinjaman Perumahan Penjawat Awam

Pinjaman ini khusus untuk penjawat awam melalui Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2017
(KHAMIS)**

SOALAN : 21

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah penduduk Kampung Malubang dan Kampung Pansuran, Pitas akan mendapat bekalan elektrik memandangkan projek bekalan elektrik luar bandar ke kampung-kampung tersebut belum menunjukkan tanda-tanda akan selesai walaupun projek tersebut telah bermula empat tahun yang lalu.

31

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kampung Malubang dan Kampung Pansuran, Pitas adalah antara tiga (3) buah projek di daerah Pitas yang telah siap penyambungan secara fizikal tetapi belum mendapat bekalan elektrik. Ini kerana bekalan elektrik hanya dapat dibekalkan selepas Talian 33kV dari Pencawang Pembahagi Utama (PPU) Pitas ke PPU Simpang Bongkol siap dan dijangka sedia untuk dimulatugas pada bulan Disember 2017.